

BERKORBAN MENTAATI ALLAH SWT

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَلِكُلِّ أُمَّةٍ جَعَلْنَا مَنْسَكًا لِيَذْكُرُوا اسْمَ اللَّهِ عَلَىٰ مَا رَزَقَهُمْ مِّنْ بَهِيمَةِ الْأَنْعَامِ ۗ فَإِلَهُكُمْ إِلَهُهُ

وَاحِدٌ فَلَهُ رَأْسُكُمْ وَأَسْلَمُوا ۗ وَدَشِّرِ الْمُخْبِتِينَ ﴿٣٤﴾ (Surah Al-Hajj, ayat: 34)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهُدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

HADIRIN MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَأَبْتَغُوا إِلَيْهِ الْوَسِيلَةَ وَجَاهِدُوا فِي سَبِيلِهِ لَعَلَّكُمْ

تَفْلِحُونَ ﴿٣٥﴾

Maksudnya: "Wahai orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan carilah jalan yang boleh menyampaikan kepada-Nya (dengan mematuhi perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya); dan berjuanglah pada jalan Allah (untuk menegakkan Islam) supaya kamu beroleh kejayaan." (S. Al-Maa'idah: 35).

Marilah saudara-saudara Muslimin sekalian menyahut serta mentaati perintah Allah SWT ini, dalam erti kata melaksanakan segala yang diperintahkan-Nya dan meninggalkan segala yang ditegah-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong orang yang bertaqwa dan berjaya.

SAUDARA JEMAAH JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Kita bersyukur kerana umat Islam di negara ini dapat terus merayakan Hari Raya Aidiladha ataupun Hari Raya Korban tahun ini dalam suasana yang sederhana tetapi meriah, tenang dan aman. Keadaan ini membolehkan umat Islam di Negara ini meneruskan ibadah korban pada hari-hari tasyrik ini sebagai memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim dan anaknya Nabi Ismail dalam menunaikan perintah Allah SWT.

Firman Allah SWT:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَبْنَؤِيَّ إِنِّي أَرَىٰ فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانظُرْ مَاذَا تَرَىٰ ۗ قَالَ يَتَأَبَتُ
أَفْعَلُ مَا تُؤْمَرُ ۖ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ ﴿١٢﴾ فَلَمَّا أَسْلَمَا وَتَلَّهُ لِلْجَبِينِ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Maka tatkala anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata: “Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu”. Anaknya menjawab: “Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; Insya Allah, ayah akan mendapati daku dari orang yang sabar”. Setelah keduanya berserah bulat-bulat (menjunjung perintah Allah itu), dan Nabi Ibrahim merebahkan anaknya dengan meletakkan iringan mukanya di atas tompok tanah, (Kami sifatkan Ibrahim dengan kesungguhan azamnya itu telah menjalankan perintah Kami).” (S. As-Shaaffat: 102-103).

Jelas di sini, melalui ibadah korban yang disyariatkan, Allah SWT mahu menguji keimanan umat Islam sebagaimana Dia menguji keimanan Nabi Ibrahim AS dengan memerintahkannya menyembelih anak kesayangannya, Ismail AS. Allah SWT tidak memerlukan darah dan dagingnya. Allah SWT sekadar menguji keimanan Ibrahim AS dengan perintah yang berat itu.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Hakikatnya, ibadah korban tidak hanya merupakan satu bentuk penzahiran ketaatan dan taqarrub seorang hamba kepada Khaliqnya, yakni Allah SWT, malah ia juga mempunyai misi sosial mempererat hubungan dan silaturahim di antara golongan yang berkemampuan dengan golongan fakir dan miskin. Ia dijana melalui pengagihan daging korban yang membolehkan golongan fakir dan miskin dalam masyarakat menikmati hasil korban sekali gus menyuburkan rasa kasih sayang sesama insan. Ini membuktikan bahawa ibadah korban mempunyai nilai pengajaran dan hikmat yang banyak. Di antaranya ialah:

Pertama, berbakti dan mendekatkan diri kepada Allah SWT;

Kedua, melapangkan kehidupan keluarga dan fakir miskin pada hari raya melalui pengagihan daging korban;

Ketiga, bersyukur atas segala nikmat yang dikurniakan Allah SWT seperti haiwan yang disembelih sebagai korban;

Keempat, melatih dan membentuk individu Muslim supaya selalu sedia berkorban - mengorbankan sebahagian nikmat yang dikurniakan Tuhan untuk kepentingan manusia lain yang memerlukannya;

Kelima, mentarbiah diri supaya tidak mementingkan diri sendiri dalam kehidupan harian; dan

Keenam, kesediaan berkorban tunjang kejayaan dalam mengatasi kesulitan dalam kehidupan dan perjuangan.

SAUDARA JEMAAH YANG BUDIMAN,

Dapat dirumuskan bahawa tuntutan korban bukanlah semata-mata menyembelih binatang korban seperti unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri pada hari raya Aidiladha dan hari-hari tasyrik, akan tetapi ia adalah ketaatan sepenuhnya terhadap seluruh perintah Allah SWT. Tunaikan serta kerjakanlah segala suruhan Allah SWT dengan baik dan sempurna dengan niat penuh keikhlasan kerana sesungguhnya Yang Maha Esa tidak memerlukan apa pun dari kita selaku makhluk dan hamba-Nya. Sebaliknya, kitalah yang selalu memerlukan hidayah, rahmat, nikmat, inayah serta maghfirah-Nya.

Oleh itu, sementara hayat masih dikandung badan, marilah bersama-sama kita bermuhasabah diri terhadap sikap dan kealpaan kita dalam mematuhi perintah dan larangan Allah SWT. Marilah kita menukar cara hidup acuh tak acuh terhadap perintah agama dengan peluang keemasan yang dianugerahkan oleh Allah SWT kepada kita dengan berlumba-lumba melakukan kebaikan. Kesediaan kita untuk berkorban dan berjihad dalam erti kata yang sebenarnya akan membawa kepada kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat.

Jadi, mulai saat ini marilah kita berazam untuk berkorban mengetepikan kepentingan kebendaan, berkorban meninggalkan segala perkara yang sia-sia dan melalaikan, berkorban untuk membahagiakan orang lain yang kurang bernasib baik di samping berkorban untuk membela agama, bangsa dan Negara.

Semangat perjuangan mesti dibentuk dengan membina sifat ingin berjihad dan sedia berkorban demi memperkukuhkan hubungan dengan Allah SWT dan memperkukuhkan hubungan sesama manusia. Ia penting bagi mengelakkan diri daripada ditimpa kehinaan sebagaimana diperingatkan oleh Allah SWT melalui firman-Nya:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا تُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ
وَضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ بِآيَاتِ اللَّهِ ...

Yang bermaksud: “Mereka ditimpa kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur akan ayat-ayat Allah...” (S. Ali-Imran: 112).

Sehubungan itu, pengorbanan yang dilakukan Nabi Ibrahim sepatutnya menjadi contoh umat mutakhir ini. Sebagai insan berjiwa hamba, Baginda tidak pernah mempertikaikan suruhan Allah SWT itu meskipun yang akan menjadi korban adalah anaknya sendiri. Demikian juga halnya dengan Nabi Ismail yang meletakkan perintah Allah SWT dan kewajipan mentaati ibu bapa sebagai perkara utama hingga sanggup menggadai nyawa sendiri perlu menjadi iktibar serta diteladani oleh generasi muda hari ini.

MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Generasi Islam pada zaman kegemilangannya digilap dengan ketinggian ilmu dan penghayatan Akhlakul Karimah atau akhlak yang mulia. Sebab itu mereka maju kerana penguasaan pemikiran dan akhlak dibentuk berdasarkan ilmu-ilmu keagamaan dan ilmu-ilmu semasa. Dan tidak mustahil bagi kita di zaman ini mengulang kembali tinta sejarah keemasan itu. Prasyaratnya adalah kesedian untuk berkorban, iaitu berkorban untuk mendaulatkan syariat dan syiar Allah dengan kembali kepada ajaran agama Islam yang sebenar.

Dengan kata lain, umat Islam wajib berkorban menghindari diri daripada dihanyutkan oleh arus keseronokan cintakan dunia yang sementara ini. Perbuatan mengorbankan masa dan wang ringgit untuk perkara-perkara yang sia-sia dan merugikan seperti menyalahguna dadah, merempit, berpeleseran di pusat-pusat membeli-belah, terlibat dengan jenayah dan sebagainya hendaklah dicegah. Pendek kata, masyarakat seluruhnya mesti menjauhi apa jua perkara yang boleh meresapkan budaya hedonisme atau suka berfoya-foya dan berhibur yang merugikan masa depan Negara bangsa kita.

Dalam hubungan ini, kita tidak boleh menyerahkan bulat-bulat kepada pihak sekolah atau madrasah agama untuk mengajar dan menyemai nilai-nilai agama kepada kanak-kanak dan kaum remaja. Ibu bapa dan masyarakat Islam seluruhnya juga berkewajipan mendidik generasi muda menjadi insan yang beriman, berakhlak mulia, berilmu dan beramal soleh melalui teladan mengajak kepada yang makruf dan mencegah kemungkaran. Dan pastinya tanggungjawab ini menuntut kebijaksanaan dan kesabaran kerana cabaran-cabarannya tiada kesudahan. Yang penting, jangan sekali-kali berputus asa dalam memberi tunjuk ajar, nasihat dan teguran yang sempurna kepada mereka.

Korbankan perasaan marah dan benci di hati. Jangan mudah melabel mereka. Fahamilah, anak-anak masih mentah, masih perlu belajar banyak perkara. Positifkan minda. Anggap mereka tetap anak soleh biar apa pun kerenahnya. Cari penyelesaian dengan berusaha dan berdoa dengan sabar setiap hari. Insyallah, harapan serta impian akan jadi realiti,

HADIRIN JEMAAH YANG MULIA,

Dalam mengorak langkah ke hadapan, kita perlu berkorban. Ini termasuk berkorban menolak anasir kejahatan dalam diri dan tidak menoleh masa lampau yang suram. Walaupun kita ada seribu satu macam alasan untuk kecewa, namun berkorbanlah untuk bangkit semula. Usah membelenggu diri dengan kesilapan silam, kelak akan merasa sakit untuk melangkah.

Tegasnya, jika terlanjur melakukan kesilapan dan dosa, segeralah berkorban kembali mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, seterusnya bertaubat dan memohon ampun kepada-Nya agar beroleh kemuliaan di akhirat kelak.

مَنْ كَانَ يُرِيدُ الْعِزَّةَ فَلِلَّهِ الْعِزَّةُ جَمِيعًا ۗ إِلَيْهِ يَصْعَدُ الْكَلِمُ الطَّيِّبُ وَالْعَمَلُ الصَّالِحُ يَرْفَعُهُ ۗ
وَالَّذِينَ يَمْكُرُونَ السَّيِّئَاتِ لَهُمْ عَذَابٌ شَدِيدٌ ۗ وَمَكْرُ أُولَٰئِكَ هُوَ يُبْورُ ﴿١٠﴾

Maksudnya: "Sesiapa mahukan kemuliaan (maka hendaklah dia berusaha mencarinya dengan jalan mematuhi perintah Allah), kerana bagi Allah jugalah segala kemuliaan. Kepada Allah naiknya segala perkataan baik dan amal salih pula diangkat-Nya naik (sebagai amal yang makbul). Sebaliknya, orang yang merancang kejahatan (untuk mendapat kemuliaan) akan beroleh azab yang berat." (S. Faatir: 10).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah